

07 APR 2000

MAHATHIR GESA PUTIN TAMATKAN KONFLIK DI CHECHNYA

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap bahawa presiden baru Rusia Vladimir Putin akan menggunakan kedudukannya bagi menamatkan perang di Chechnya.

"Saya berharap semoga Tuan dapat menggunakan mandat baru yang diperolehi untuk mengakhiri perang di Chechnya dan menyokong usaha untuk membangunkan semula wilayah itu," kata beliau.

Dr Mahathir berkata demikian dalam perutusan mengucapkan tahniah kepada Putin berikutan kemenangannya dalam pilihan raya baru-baru ini dan pelantikannya sebagai presiden. Beliau menggantikan Boris Yeltsin.

Teks ucapan beliau dikeluarkan oleh Wisma Putra di sini hari ini.

Rusia terbabit dalam perang di Chechnya yang rakyatnya berjuang untuk menuntut kemerdekaan daripada Moscow.

Dalam perutusannya, Dr Mahathir berkata rakyat Rusia telah memberi mandat yang besar kepada Putin untuk memimpin negara itu ke alaf baru.

Beliau berkata Malaysia dan Rusia sejak sekian lama mempunyai hubungan erat dan persahabatan dan telah bekerjasama dalam banyak bidang untuk faedah bersama.

Dr Mahathir berkata beliau menaruh harapan untuk bekerjasama dengan pemimpin baru Rusia itu demi memperkukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua negara.

-- BERNAMA

MAM FAZ